

# 500 sertai Fit USIM Charity Run 2015



Prof Musa (depan tengah) bersama-sama peserta larian.

Oleh Mohd Zaini Othman  
bfwarsiti@bh.com.my

Nilai

**M**ajlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Sekretariat Pelajar Luar Kampus (OCSS) buat julung kalinya menganjurkan Fit USIM Charity Run 2015, baru-baru ini.

Larian itu adalah sebahagian daripada acara bersempena dengan penganjuran Hari Terbuka USIM, disertai lebih 500 peserta terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar universiti dan orang ramai.

Peserta berkumpul di Dewan Tuanku Canselor seawal 6.30 pagi untuk menyertai larian yang bertujuan mengumpul dana bagi mengisi tabung kebajikan pelajar USIM selain memberikan galakan kepada komuniti setempat untuk bergiat aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Bertema 'Run For Deeds', larian turut disertai Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad. Majlis pelancaran disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal

Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM, Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan.

## Empat kategori

Pengarah Fit USIM Charity Run '15 yang juga Exco Sukan dan Pembangunan Belia MPP, Muhammad Nor Amin Jamaluddin, berkata beliau berpuas hati dengan penganjuran larian itu yang mendapat sambutan memberangsangkan warga USIM dan masyarakat setempat.

"Acara larian kampus sebegini akan diteruskan lagi pada masa akan datang selepas menerima maklum balas positif daripada kebanyakan peserta.

"Saya turut berharap budaya

bersukan di universiti ini akan terus subur dan lebih berkembang melalui gerakan Fit USIM yang dipelopori MPP USIM," katanya.

Empat kategori dipertandingkan dalam Fit USIM Charity Run '15 iaitu kategori pelajar sekolah, pelajar USIM, staf USIM dan kategori terbuka dengan jarak larian lima kilometer dan tujuh kilometer.

Trek larian meliputi jalan di sekeliling kampus USIM bagi membolehkan peserta melihat keindahan dan prasarana kampus dengan lebih dekat.

Majlis penyampaian hadiah wang tunai dan pingat kepada pemenang disempurnakan oleh Pendaftar USIM, Haizuan Rozali.



Sebahagian daripada peserta Fit USIM Charity Run 2015.